

**SOALAN NO: 14**

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah  
[ Kuala Terengganu ]**

**TARIKH : 16 November 2015**

**SOALAN : Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah  
minta MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan  
walaupun kenyatan Kementerian di  
Parlimen pada awal 2015 mendakwa  
beratus leSEN bot Vietnam telah  
dibatalkan, nelayan pantai timur masih  
mengadu bilangan mereka masih besar  
dan tidak berkurangan dan malahan  
pencerobohan perairan Malaysia  
meningkat.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia memandang serius akan pengurusan sumber perikanan. Pelesenan vesel penangkapan ikan merupakan salah satu kaedah dalam mengawal eksplorasi sumber secara berlebihan. Tindakan pembatalan lesen vesel penangkapan ikan laut dalam akan dikenakan ke atas pengusaha yang tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan.

Jumlah vesel penangkapan ikan laut dalam daripada tahun 2011 sehingga 30 September 2015 adalah sebanyak 1,637 buah vesel. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 339 buah vesel adalah dari Negara Vietnam. Manakala bilangan lesen penangkapan ikan laut dalam yang telah dibatalkan sejak tahun 2011 sehingga 2015 adalah sebanyak 422 buah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 153 buah adalah vesel daripada Negara Vietnam yang dilesenkan di Malaysia. Bagi mengekang dan memperketat masalah pencerobohan vesel dari Negara Vietnam, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia mulai tahun 2015 telah menetapkan dasar bahawa vesel daripada Negara Vietnam tidak boleh dibeli oleh nelayan tempatan untuk dilesenkan dan beroperasi di perairan Malaysia.